

05 APR 1996

Mahathir-hijau

HIJAUKAN SEMUA KAWASAN PERBANDARAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Semua projek perbandaran baru perlu dirancang dengan penghijauan alam sekitar dan kawasan takungan air yang mencukupi bagi mengelak kejadian banjir kilat selain selesa untuk didiami, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata jika pokok dan tumbuhan lain ditanam dengan mencukupi di kawasan yang dibangunkan air hujan dapat menyerap ke dalam tanah dan tidak mengalir dengan deras sehingga menyebabkan banjir kilat.

"Amat penting sekali dalam membuat perancangan bandar-bandar baru kawasan yang luas disediakan untuk tanaman pokok-pokok dan untuk padang yang ditanam dengan rumput," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek Sumbangan Pokok Penghijauan Negara di Petaling Jaya dekat sini.

Dr Mahathir melancarkan projek menanam pokok di seluruh negara itu dengan menanam sebatang pokok Petaling atau nama saintifiknya "ochanostachys amentacea masters" di Taman Rekreasi Kelana.

Maklumat mengenai projek itu juga boleh didapati melalui Internet supaya pihak yang berminat dari luar negara dapat mengambil bahagian dan mengetahui lebih lanjut mengenai usaha penghijauan di Malaysia.

Dr Mahathir berkata kerajaan berpendapat setiap projek perlu ada kolam yang luas untuk menampung air hujan sebagai persediaan apabila hujan lebat.

Beliau berkata negara kini sedang membangun dengan pesat dan pembangunan ini melibatkan pembinaan bangunan secara besar-besaran termasuk projek bandar-bandar baru di merata tempat.

"Dalam usaha ini biasanya pokok terpaksa dipotong untuk memulakan kerja pembinaan yang juga melibatkan pembinaan jalan raya bertar dan ada kalanya menutup tanah dengan simen, kononnya supaya nampak lebih cantik," katanya.

Malangnya, kata beliau, apabila hujan lebat air akan mengalir dengan deras ke longkang yang tidak dibina untuk membawa air yang banyak daripada pembangunan yang begitu pesat.

Dr Mahathir berkata faktor-faktor ini semua menyebabkan banjir kilat kerap kali berlaku di kawasan bandar yang menjejaskan lalulintas di jalan raya dan baru-baru ini juga menjejaskan penerbangan udara apabila kapal terbang tidak dapat mendarat.

"Saya berharap perkara ini diberikan perhatian terutama oleh perancang dan arkitek kita yang begitu cekap untuk merancang pembangunan tetapi sehingga kini mungkin tidak begitu cekap kepada masalah banjir," kata beliau.

Mengenai projek Sumbangan Pokok Penghijauan Negara, Dr Mahathir berkata usaha menanam pokok hendaklah dijalankan secara tersusun seperti di tanam di tepi-tepi jalan raya.

Katanya usaha penanaman pokok ini juga perlu dijalankan secara profesional agar ia tidak terbiar sehingga ada pokok yang mati. -- BERNAMA

MGM AKD